

Janji Pas helah

8 NOV 1999

22

KUALA LUMPUR 7 Nov. — Dakwaan Pas bahawa parti itu bersedia menerima pemimpin DAP yang bukan Islam sebagai Perdana Menteri jika pakatan pembangkang menang dalam pilihan raya akan datang adalah helah untuk mendapat sokongan masyarakat Cina, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, parti itu bukan sahaja akan menjanjikan apa sahaja tetapi juga sanggup

menipu dan memeralatkan kesucian agama Islam dalam usaha mendapatkan sokongan tersebut.

“Tetapi kita tahu sejarah Pas, dulu dia janji dengan Parti Semangat 46 (S46), kalau menang di Kelantan mereka (calon dari S46) akan dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar. Itupun dia tidak tunaikan.

“Saya tidak percaya bahawa orang Cina atau India akan percaya bahawa Pas akan terima orang bukan Islam sebagai Perdana

Menteri,” katanya ketika ditemui pemberita pada majlis rumah terbuka Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu sempena hari Deepavali di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat, kelmarin bahawa parti itu sedia terima orang bukan Islam sebagai Perdana Menteri jika pakatan pembangkang berjaya menewaskan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang.

Menurut Nik Aziz, Pas tidak akan memaksa pemimpin DAP memeluk Islam terlebih dahulu untuk menjadi Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, kenyataan Nik Aziz itu tidak boleh dipercayai kerana ia dibuat hanya supaya didengari oleh DAP.

“Yang dia cakap itu hanya hendak bagi dengar kepada DAP sahaja, tetapi bila balik dalam ceramah-ceramah tertutup dan ceramah untuk orang Melayu sahaja yakni penyokong

raih sokongan Cina

mereka, lain pula kata pemimpin Pas,” katanya.

Oleh yang demikian, tegas beliau, sikap tidak konsisten Pas itu jelas tidak boleh dipercayai.

“Siapa boleh percaya. Sekejap nak buat negara Islam sekejap nak gugur Islam. Sekejap kata orang UMNO Islam lepas itu kata orang UMNO kafir.

“Jadi apa saja yang dia boleh kata dia akan kata seperti kata Nik Aziz bila dia nampak mikrofon dia tak boleh tahan diri lagi

dah, dia nak kena bercakap. Kalau dia nak bohongpun dia bohong juga,” kata Perdana Menteri.

Mengenai pendedahan dokumen-dokumen di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) oleh Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohd. Ezam Mohd. Noor, Dr. Mahathir berkata, terpulang kepada polis untuk mengambil tindakan.

“Saya fikir ia melanggar undang-undang di bawah

OSA. Menurut undang-undang kita, tindakan boleh diambil terhadapnya (Ezam), tetapi polis akan tentukan perkara ini,” jelas beliau.

Ditanya sama ada kes itu menunjukkan bahawa dokumen-dokumen yang melibatkan rahsia kerajaan dan negara tidak lagi selamat, Perdana Menteri berkata, tanpa OSA masalah itu akan lebih serius.

“Kalau tidak ada OSA, semuanya akan didedahkan, orang akan curi se-

buah dokumen, adanya OSA orang akan takut sikit. Macam undang-undang dadah, walaupun dikenakan hukuman mati tetapi ada juga orang yang gila yang nak duit. Walaupun kena hukuman bunuh dia buat juga,” jelas beliau.

Ditanya apakah bentuk tindakan yang boleh dikenakan ke atas Mohd. Ezam, Dr. Mahathir berkata: “Tak tahu, terpulang kepada polis. Kalau ada kes tindakan akan dibuat. Saya bukan polis untuk ambil tindakan.”